

04 AUG 2001

MCA-Ling

PERTAHANKAN KESTABILAN PARTI UNTUK HADAPI BARISAN TIRUAN, KATA LING

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Semua anggota MCA perlu mempertahankan kestabilan parti demi kepentingan semua pihak dan ketika Barisan Nasional sedang menghadapi saingan daripada satu "barisan tiruan", kata presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sambil melahirkan rasa sedihnya dengan kekecohan yang berlaku pada mesyuarat agung Pemuda MCA semalam, beliau berkata insiden itu memberi kesan negatif dan mencemarkan nama baik parti.

"Selain perkara ini akan disiasat oleh jawatankuasa pusat parti, semua ahli MCA mempunyai peranan masing-masing untuk memulihkan imej parti dan menjaga perpaduan parti," katanya dalam ucapan dasar presiden di Perhimpunan Agung tahunan ke-48 MCA di sini.

Kira-kira 2,000 anggota perwakilan hadir dalam perhimpunan sehari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ling berkata MCA serta rakan-rakannya dalam BN sedang menghadapi cabaran yang sengit dalam perjuangan politiknya.

"Ini kerana barisan tiruan (pembangkang) yang diterajui Pas telah mengisytiharkan mereka berazam melaksanakan sistem kehakiman yang berbeza sekiranya mereka berkuasa," katanya.

Ling berkata sehingga kini Pas masih tidak berani menerangkan secara bertulis mengenai konsep negara Islam yang ingin dibina oleh mereka.

"Pemimpin Pas sentiasa bercakap sesuatu yang berlainan semasa berdepan masyarakat Melayu dan bukan Melayu," katanya sambil menyeru masyarakat Cina supaya tidak terpengaruh dengan tipu helah pemimpin-pemimpin Pas dalam isu itu.

Ling sekali lagi memberi jaminan bahawa MCA tidak akan campur tangan dalam urusan perniagaan dan dasar kewartawanan Nanyang Press Holdings walaupun syarikat itu milik MCA.

Beliau berkata ada pihak yang menimbulkan kebimbangan bahawa kebebasan media dalam kedua-dua akhbar (Nanyang Siang Pao dan China Press) yang dikendalikan oleh Nanyang Press itu mungkin tidak wujud lagi.

"Janganlah bimbang, Nanyang dan China Press tidak akan dijadikan suara parti MCA," katanya.

Ling berkata kekuatan MCA bergantung kepada anggota-anggotanya kerana mereka ini sebenarnya akan menentukan sama ada parti itu terus dinamik, cergas dan kuat seperti yang diharapkan oleh masyarakat.

"Perpaduan hanya akan dicapai dengan penyatuan semua ahli, tidak kira tua dan muda, lelaki atau perempuan," katanya.

-- BERNAMA

AT KHY MAI